

Ucapan Sempena Sambutan Peringatan Hari Polis Ke 212 Tahun 2019

By : YAB. TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, PERDANA MENTERI MALAYSIA

Venue : PUSAT LATIHAN POLIS (PULAPOL), KUALA LUMPUR

Date : 25/03/2019

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana kita dapat sama-sama berhimpun pada pagi yang berbahagia ini bagi meraikan Sambutan Peringatan Hari Polis ke 212 di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur pada tahun ini.
2. Saya ucap terima kasih kepada Ketua Polis Negara atas jemputan ini yang membolehkan saya untuk bersama-sama warga PDRM dan seterusnya berkongsi serba sedikit pandangan di dalam majlis yang penting ini.
3. Bagi pihak Kerajaan Malaysia saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) atas segala khidmat dan pengorbanan yang dicurahkan demi mempertahankan kedaulatan, keselamatan dan kemakmuran Negara yang kita sayangi.
4. Kepada mereka yang telah gugur sebagai wira-wira negara, marilah sama-sama kita doakan semoga roh mereka sentiasa dicucuri rahmat. Sesungguhnya, dedikasi dan khidmat bakti seluruh warga pasukan PDRM akan terus dihargai dan dikenang oleh Negara dan seluruh rakyat Malaysia serta generasi kita yang akan datang.

5. Syabas juga saya ucapkan kepada seluruh warga PDRM kerana mengekalkan momentum kecemerlangan dalam penurunan indeks jenayah Negara. Indeks jenayah bagi tahun 2018 telah merekodkan sebanyak 88,662 kes berbanding dengan nilai ambang atau threshold sasaran sebanyak 100,611 kes. Ianya penurunan sebanyak 11.9 peratus.

6. Statistik ini membuktikan komitmen PDRM untuk memenuhi harapan masyarakat yang sekarang ini amat peka terhadap aspek keselamatan dan kesejahteraan mereka.

7. Kita sedar tugas dalam bidang kepolisan ini bukanlah sesuatu yang mudah apatah lagi apabila berhadapan dengan situasi dan cabaran keselamatan negara yang semakin kompleks.

8. Berdasarkan perkembangan dan cabaran semasa, PDRM bukan sahaja berhadapan dengan cabaran dalam konteks jenayah konvensional, ancaman pengganas atau terroris adakalanya amat luar biasa dan ini tentunya menuntut agensi keselamatan terutama PDRM untuk menanganinya secara tegas, strategik dan berkesan.

9. Dalam konteks ini, pihak kerajaan berpuas hati dengan tahap profesionalisme dan keupayaan yang diperlihatkan oleh anggota keselamatan seperti PDRM dalam memikul amanah yang dipertanggungjawabkan. Ini termasuklah dalam menangani ancaman militan Daesh di negara.

10. Saya difahamkan bahawa sehingga kini, seramai 464 orang ahli kumpulan pengganas Daesh telah ditangkap oleh pihak polis. Kerajaan percaya ini dapat dicapai kerana PDRM dan anggota keselamatan yang lain memiliki pasukan risikan yang mampu menangani isu yang kompleks membabitkan kumpulan militan ini.

11. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru setiap lapisan rakyat agar terus bekerjasama dan membantu PDRM di dalam menangani perlakuan jenayah dan membanteras usaha dan tindakan anasir-anasir yang cuba menggugat kedaulatan negara dan ketenteraman rakyat.

12. Rakyat perlu sedar walaupun amanah untuk menjaga keselamatan Negara terletak dibahu PDRM, keberkesanan tindakan-tindakan mereka bergantung kepada kerjasama kita.

13. Jika kita mengambil sikap tidak mahu ambil tahu ataupun memalingkan muka apabila berlaku sesuatu jenayah terhadap orang lain dan kita tidak mengambil inisiatif untuk melapor kepada pihak polis, penjenayah itu mungkin akan terlepas.

14. Jangan kita lupa satu hari, apabila jenayah berlaku terhadap kita dan orang lain mengambil sikap tidak ambil tahu seperti kita dahulu, kita akan menderita dan penjenayah itu akan bebas.

15. Kerana itu, slogan memerangi jenayah tanggungjawab bersama yang sering kita dengar pada masa lalu adalah sesuatu yang perlu kita hayati dan praktikkan.

16. Kerajaan turut prihatin terhadap keperluan pasukan polis untuk meningkatkan keupayaannya terutama pada masa kini di mana beban tugas yang semakin mencabar. Sungguhpun ia melibatkan kos tambahan, Kerajaan akan tetap menyalurkan peruntukan yang diperlukan untuk memastikan pasukan polis kita mempunyai kelengkapan yang sesuai dan up-to-date.

17. Sekali lagi saya ingin ucap selamat menyambut Peringatan Hari Polis ke-212. Semoga warga PDRM akan terus bersemangat memberi khidmat

mereka demi menjaga kedaulatan, keselamatan, kesejahteraan rakyat dan Negara Malaysia. Yakinlah, ia satu khidmat yang mulia dan diberkati.

Terima kasih.

Copyright of the Prime Minister's Office portal

Source: <https://www.pmo.gov.my/2019/03/ucapan-sempena-sambutan-peringatan-hari-polis-ke-212-tahun-2019/>